

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN NURIDAH BINTI MOHD SALLEH

TARIKH : 16 DISEMBER 2019 (ISNIN)

**SOALAN NO. 27**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah impak ekonomi dan sosial daripada aktiviti Pelabuhan Kemaman dan Pelabuhan Kuantan.

**JAWAPAN:**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Pelabuhan Kemaman dan Pelabuhan Kuantan merupakan Pelabuhan Persekutuan yang masing-masing dikawal selia dan diletakkan di bawah tadbir urus Lembaga Pelabuhan Kemaman (LPKmn) dan Lembaga Pelabuhan Kuantan (LPKtn). **Pelabuhan Kemaman** merupakan pelabuhan laut dalam dan mengendalikan pelbagai jenis kargo termasuk kargo am, *dry bulk* dan *liquid bulk*. Berdasarkan prestasi terkini, jumlah pengendalian kargo yang direkodkan di Pelabuhan Kemaman sehingga bulan Oktober 2019 adalah sebanyak 6,046,317 tan berbanding pencapaian pada tahun 2018 sebanyak 5,110,572 tan kargo. Manakala di **Pelabuhan Kuantan**, jenis kargo yang dikendalikan adalah dalam bentuk kontena, pecah pukal (besi keluli), *dry bulk* (bijih besi, bijih mangan) dan *liquid bulk* (minyak sawit, petrolium). Sehingga Oktober 2019, jumlah pengendalian kargo di Pelabuhan Kuantan direkodkan sebanyak 19,483,643 tan berbanding pengendalian sebanyak 17,997,785 tan kargo yang dicapai pada tahun 2018.
2. Untuk makluman Yang Berhormat juga, bagi merencanakan pembangunan di Wilayah Ekonomi Pantai Timur yang mana secara tidak langsung akan memberikan impak positif kepada ekonomi dan sosial melalui kedua-dua pelabuhan tersebut, Dermaga 1A, Terminal Baru Laut Dalam (NDWT – *New Deep Water Terminal*) di Pelabuhan Kuantan sepanjang 400 meter telah siap dibina dan mula beroperasi pada bulan Ogos 2018. Manakala, Fasa 1B dengan dermaga sepanjang 600 meter telah mula beroperasi dalam tahun 2019. Dengan terbina dan beroperasinya terminal NDWT tersebut, ia membawa Pelabuhan Kuantan ke satu tahap baharu yang mempunyai keupayaan untuk bersaing dengan pelabuhan-pelabuhan utama di dunia.

3. Di samping itu, projek-projek infrastruktur yang dilaksanakan oleh pihak ECERDC untuk menyokong pembangunan Pelabuhan Kuantan juga telah siap dibangunkan sejak tahun 2018. Antara projek pembangunan yang berkaitan adalah pembangunan Tangki Air R9 bertujuan menyalurkan bekalan air ke terminal NDWT, projek jalan masuk baharu dan jambatan ke terminal NDWT serta menaik taraf jalan Persekutuan sedia ada yang menghubungkan ke Pelabuhan Kuantan.
4. Pelabuhan Kemaman merupakan pelabuhan yang sedang meningkat naik sebagai pintu gerbang masuk kepada rantau Asia-Pasifik. Pelabuhan Kemaman menjadi pilihan logistik bagi syarikat-syarikat perkapalan di wilayah timur kerana lokasinya yang terletak di tengah-tengah zon industri berkaitan minyak dan gas di pantai timur serta mendapat faedah dari perkembangan pesat pembangunan industri petrokimia di Kerteh, Terengganu.
5. Konsortium Pelabuhan Kemaman (KPK) selaku pengendali Pelabuhan Kemaman sedang merancang untuk menaik taraf jentera dan kemudahan pengendalian kargo bermula pada tahun 2019. Usaha-usaha untuk menambah baik proses pengendalian kargo bagi menjamin produktiviti dalam penyampaian perkhidmatan kepada pengguna dengan penggunaan kemudahan Pelabuhan Kemaman secara optimum akan dilaksanakan dalam usaha meletakkan pelabuhan ini sebagai pusat serantau bagi aktiviti *transshipment*, *cargo consolidation* dan pengagihan dagangan.
6. Perkembangan positif hasil kendalian di pelabuhan-pelabuhan tersebut akan memberi impak kepada sosial dan ekonomi yang bukan hanya memanfaatkan golongan peniaga tetapi ia juga membuka peluang perniagaan baharu dan peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan.

Sekian, terima kasih.